

Headline	191 kes baharu HIV di Sabah		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	17 Dec 2014	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	2	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	444 cm ²
Journalist	Larry Ralon	AdValue	RM 2,287
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,861



191 kes baharu HIV di Sabah

Larry Ralon

KOTA KINABALU: Kirá-kira 191 kes baharu jangkitan human immunodeficiency virus (HIV) dilaporkan di Sabah dalam sembilan bulan pertama tahun ini.

Berdasarkan itu, bilangan itu dijangka mencapai 255 kes baharu jangkitan HIV sehingga akhir tahun ini, atau 7.32 kes baharu bagi setiap 100,000 penduduk Sabah.

Secara keseluruhannya terdapat 1,982 kes HIV, 734 AIDS dan 291 kematian dilaporkan di Sabah dari 1991, apabila kes pertama dilaporkan, hingga September tahun ini. Buat masa ini, terdapat 1,691 penghidap HIV.

Ia didedahkan semasa acara Hari AIDS Sedunia 2014 peringkat negeri Sabah dan Kota Kinabalu City Getting to Zero HIV 2020 selama dua hari yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan di Kompleks Pentadbiran Persekutuan, di sini Selasa.

Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman, pada perasmian acara itu, percaya bahawa Hari AIDS Sedunia bukan saja akan dapat memupuk kesedaran tentang wabak yang disebarkan oleh HIV tetapi juga membantu meraih lebih banyak sokongan kepada usaha untuk membanteras

dan mencegahnya daripada tersebar lanjut.

“Kerajaan sememangnya memberikan komitmen dan sokongan penuhnya dalam usaha untuk memastikan usaha pencegahan yang dilaksanakan meliputi semua lapisan masyarakat dengan menyediakan pelbagai kemudahan termasuk skop pengesanan, pencegahan jangkitan, rawatan dan sokongan,” katanya dalam satu ucapan yang disampaikan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Radin Malleh.

Pada masa sama, Ketua Menteri berkata kerajaan juga menyediakan ujian saringan percuma termasuk untuk mereka yang merancang untuk berkahwin, wanita hamil, pesakit HIV dan sebagainya di semua hospital kerajaan dan klinik kesihatan.

“Saya menggesa semua orang terutamanya mereka yang terdedah atau berisiko mendapat jangkitan HIV agar pergi menjalani ujian saringan percuma ini. Mereka yang didapati positif harus mendapatkan rawatan percuma yang disediakan di mana-mana hospital kerajaan dan klinik kesihatan,” kata Musa.

Beliau juga berharap projek Kota Kinabalu City Getting to Zero HIV, yang diketuai oleh Mayor Datuk

Abidin Madingkir dan Pengarah Kesihatan Negeri, Dr Christina Rundi, dapat dilaksanakan dengan lancar mengikut rancangan yang disediakan serta mencapai matlamat yang diinginkan dengan bersepadu dan cekap.

“Bagi pihak kerajaan negeri, kami sentiasa memberi sokongan dan bantuan penuh kepada usaha ini,” katanya, menambah kerjasama dan komitmen penuh semua pihak adalah penting untuk mencapai aspirasi negara bebas virus HIV.

Getting to Zero (Mencapai Sifar) adalah tema Hari AIDS Sedunia, seperti ditetapkan oleh Program Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap HIV dan AIDS (UNAIDS) untuk tempoh lima tahun dari 2011 hingga 2015. Tema Malaysia untuk acara itu adalah “Mencapai Sifar – Tanggungjawab Bersama”.

Radin juga mewakili Ketua Menteri untuk menyampaikan surat pelantikan kepada 26 agensi kerajaan yang menjadi ahli jawatankuasa utama KK City Getting to Zero HIV 2014-2020.

Hadir sama, Setiausaha Persekutuan Sabah, Datuk Abu Bakar Hassan, Mayor Datuk Abidin Madingkir, Pengarah Kesihatan Sabah Dr Christina Rundi serta ketua agensi persekutuan dan negeri yang lain.

Headline	191 kes baharu HIV di Sabah		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	17 Dec 2014	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	2	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	444 cm ²
Journalist	Larry Ralon	AdValue	RM 2,287
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,861



RADIN (ketiga dari kanan), Abidin (ketiga dari kiri), dan Dr Christina (kedua dari kanan) serta yang lain, ketika gimik pelancaran program itu.